

## Keinginan Pasak belum terpenuhi

29 JULI 1978  
*pencah silat*  
**K**EINGINAN Perkumpulan Anak-Anak Sandiwara Angkatan Keseniin (PASAK) untuk menghubungi ahli seni silat gayung yang glat, masih belum menerima jawapan.

Menurut presidennya, Encik Yahya Haji Bujang semalam: "Sungguhpun keinginan itu telah kami siarkan di akhbar ini pada 16 Jun lalu, namun hingga kini masih belum ada jawapan."

Sekiranya sambutan tidak ada, kata Encik Yahya, maka sukariah untuk mengadakan pertemuan bagi meninjau perkembangan dan sukatan pelajaran yang mereka jalankan dulu.

Pasak, ujarnya lagi, telahpun mengadakan lawatan ke Malaysia pada hujung Mei, tetapi tinjauan yang dibuat masih

### Lawatan

banyak yang kurang.

Oleh itu, jawatankuasanya bercadang untuk mengadakan satu lagi lawatan ke Pantai Timur Malaysia pada hujung tahun nanti.

Sementara itu, Pasak berharap agar para ahli seni silat gayung yang masih giat ataupun sebaliknya tampil mendekati badan itu.

Pertemuan dengan ahli-ahli ini penting dalam usaha membukukan seni mempertahankan diri ini.

Mereka diminta berhubung kepada Encik Yahya, menerusi telefon 2692521.

# Tinggikan lagi mutu seni silat: Saranan2 peminat kepada Persisi

5 AUG 1978  
*pencah silat*  
**B**ARU-BARU ini Persekutuan Silat Singapura (Persisi) telah menganjurkan Pesta Silat '78 telah berlangsung di Panggong Negara pada 21 dan 22 Julai '78.

Sungguhpun Pesta Silat tersebut telah mendapat sambutan yang hangat dan juga berjaya mencungkil bakat-bakat seni silat Melayu di Singapura, namun saya ingin mengemukakan beberapa saranan dengan tujuan mengorak langkah-langkah positif untuk mengembangkannya bukan saja di kalangan masyarakat Melayu tetapi untuk seluruh kaum.

Berita Persisi akan mengambil langkah-langkah memperdalam seni silat Melayu dengan mengadakan kunjungan ke Semenanjung Malaysia dan Indonesia serta menerbitkan sebuah buku sangat dialu-alukan.

Lantaran itu ucapan-ucapan dari Encik A. Rahim Ishak dan Dr. Ahmad Mattar dalam perasmian Pesta Silat '78 itu adalah selaras dengan langkah Persisi dan kerabat-kerabatnya untuk memperluaskan kegiatan - kegiatannya serta secekok dengan peredaran masa.

Dalam Pesta Silat '78 berpagelantar baru diperkenal-

kan iaitu Silat Gayong, Silat Harimau, Silat Kuningan, Kunta Melaka, Silat Cekak, Seligi Tunggal, Setia Hati, Gertapis, Si Pitung, Cimande, Bandangan Asli dan Bawean Asli.

Pada ahli silat dan peminat silat yang menyaksikan pesta tersebut, mereka akan mendapati beberapa dari silat tersebut tidak ada perbezaan dalam bentuk persembahan dan gerak langkahnya. Hanya namanya saja yang berlainan.



Sebagai contoh Silat Gertapis, Si Pitung dan Cimande tiada perbezaan, ini adalah sama juga dengan Bandangan Asli dan Bawean Asli, perbezaan tidak ada langsung.

Oleh itu adalah wajar sekali bagi Persisi untuk mengambil tindakan mengekang.

Ini adalah dengan tujuan untuk meninggikan mutu silat Melayu dan kita sama sekali tidak dapat melihat kemajuan silat Melayu pada kuantitinya saja.

Akhir sekali ingin disarankan agar Persisi juga harus mengambil inisiatif mengadakan gelanggang silat dan kemudahan - kemudahan untuk kerabat - kerabatnya.

Adalah juga baik sekiranya Persisi dapat menghantar jurulatih-jurulatih silat ke Indonesia atau mengundang tokoh-tokoh silat Indonesia dan Malaysia ke sini dengan tujuan untuk memajukan lagi seni mempertahankan diri ini.

Sebagaimana yang dilakukan dengan seni-seni Tae Kwan Do dan Karate, di mana jurulatih-jurulatihnya dihantar ke

Korea dan Jepun untuk memperdalamkan seni mempertahankan diri tersebut.

Saya berharap pihak berkenaan dapat memberi perhatian terhadap saranan-saranan saya ini.

Jamaludin Jamil,  
 Singapura 12,